


# JEP KUCING PALING POPULAR!



Jumlah pengikut yang seramai 220 ribu di facebook menjadikan kucing bernama Jep ini cukup digilai dan disayangi pengikutnya. Bagi pemilik kucing baka American Shorthair ini, Nor Azwana Awang dan suaminya, Mohd Kamarul Anuar Mohd Ariffin, mereka sendiri tidak pernah menyangka Jep begitu popular di laman sosial apatah lagi dinobatkan dalam senarai nombor satu oleh kebanyakan kelab pencinta kucing.

Coleh: Siti Romiah Mahmud Foto: Koleksi Peribadi

mpian untuk memiliki kucing berbulu pendek ini telah lama diimpikan oleh pasangan ini. Gambar kucing jenis ini yang terpapar pada bungkus makanan kucing jenama terkenal menambah lagi keinginan Azwana untuk memilikinya.

"Saya dan suami memang minat pada haiwan kesayangan Nabi ini sejak dulu lagi. Masa kecil pun memang keluarga saya ada membela kucing, baik kucing kami sendiri mahupun kucing-kucing jalanan yang datang singgah. Bila dah kahwin, minat ni bertambah-tambah sebab suami juga cukup sukakan kucing. Jadi, kami mula berkongsi minat yang sama," ujar Azwana.

Keterujaan pasangan ini untuk memiliki haiwan manja ini semakin kuat setiap kali melihat pelbagai keletah bermacam-macam jenis kucing yang dimuat naik di laman sosial.

"Sebenarnya saya dan suami memang selalu mengunjungi sebuah kedai haiwan peliharaan di Temerloh dan ketika itulah kami bertemu empat mata dengan Jep. Awal-awal lagi hati saya sudah berkenan dengannya. Dua tiga kali juga kami pergi dan ternyata rezeki kami memiliki Jep cukup kuat. Bila ada duit lebih sikit saya terus sahaja mengajak suami dan akhirnya kami membelinya dengan harga RM900 ketika itu. Sejak itu Jep jadi peneman dan kesayangan kami

serta dua anak saya, Ahmad Mujahid, 5 tahun dan Ahmad Mukmin, 3 tahun. Keletah Jep dengan muka bersahajanya buat kami terhibur. Dia tidak manja seperti kebanyakan kucing baka import lain tetapi punya aura tersendiri. Sifat kejantannya terserlah dan sesekali dia mendung garang apabila tidak selesa berada bersama orang yang tidak dikenalnya.


Suatu ketika saya nampak Jep berehat selesa di suatu sudut rumah saya. Ketika itulah saya pandang mukanya yang bersahaja dan terfikir untuk memotretkan segala gerak geriknya di lensa kamera saya. Untungnya kerana dia tidak banyak kerenah kala saya

cuba merakamkan gambarnya. Dia memang duduk diam dan memudahkan saya. Itulah Jep. Saya akui sejak Jep popular di facebook, boleh dikatakan hampir saban hari ada sahaja bungkus yang terima Jep daripada peminatnya. Ada yang menghadiahkan Jep makanan, baju serta tidak kurang juga yang memindahkan wang ke akaunnya untuk dibelikan makanan Jep. Saya tidak pernah meminta tetapi mereka ikhlas memberinya." ujar Ummy terharu dan tidak pernah menyangka kucing kesayangannya begitu disenangi ramai.

Kini paling terbaru Jep juga dilantik menjadi ikon sebuah karnival yang bakal berlangsung pada April ini. Bagi pasangan ini, keterujaan menjaga Jep membuatkan mereka teruja untuk menambah bilangan kucing peliharaan mereka dan akhirnya kini mereka memiliki Kaktop, Mia, Jimmy dan juga Zyra.

## Ambil Berat Kebersihan

Kebersihan selalunya menjadi persoalan utama yang perlu difikirkan apabila menjaga haiwan peliharaan. Namun bagi pasangan ini mereka sentiasa



menitik beratkan kebersihan kawasan rumah dan memastikan rumah dalam keadaan bersih walaupun memiliki lima ekor kucing. "Kesemua lima ekor kucing ini kami tempatkan di dalam sangkar berasingan di hadapan rumah. Kesemuanya cukup selesa untuk mereka bergerak bebas. Malah mereka bebas keluar masuk rumah tanpa sekatan. Boleh dikatakan setiap hari saya akan mop lantai bagi memastikan rumah sentiasa dalam keadaan bersih dan selesa.

"Soal makanan pula, saya dan suami memberikan makanan yang disarankan oleh doktor. Seminggu sekali kami akan memberikan makanan basah dan seting dua hari sekali saya akan memberikan ayam rebus bersama labu yang juga disarankan oleh doktor.

Sesekali kami akan membawa kelima-lima kucing kami ke klinik veterinar untuk menjalani pemeriksaan.



Biasanya 'grooming', saya dan suami akan mengendalkannya sendiri di rumah dan hanya ke klinik untuk menjalani pemeriksaan telinga dan membersihkannya," kata wanita yang turut meminati bidang fotografi.

Memiliki kelima-lima kucing kesayangan mereka ini adalah terapi bagi seluruh keluarga ini. Merekalah penghibur dan peneman saban hari. Malah keletah Jep, Kaktop, Mia, Jimmy dan Zyra saban hari menjadi penawar bagi seluruh keluarga. <